

GWGFx BBH Group Sabah taja Kejohanan Tenpin Boling Antarabangsa UMS

UB 49-2014 A14

KOTA KINABALU: Kejohanan Tenpin Boling Terbuka Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah yang berlangsung baru-baru ini mendapat penajaan lumayan dari GWGFx BBH Group Sabah.

Menurut Pengurus GWGFx Sarianshah Shamsudin, pihaknya berbesar hati menaja hadiah wang tunai sebanyak RM50,000 bagi menjayakan kejohanan itu.

“Pihak kami berminat menyumbang dalam acara sukan seperti ini kerana

selain dapat merapatkan jurang interaksi dengan masyarakat, meneruskan juga dapat mengaktifkan gaya hidup sihat,” katanya ketika ditemui di Centre Point Kota Kinabalu.

Beliau berkata, antara penganjuran sukan lain yang pernah ditaja adalah futsal dan bola sepak kerana kedua-dua sukan itu merupakan acara yang paling ramai pengikut dan peminat di seluruh Malaysia.

“Penglibatan kami dalam penajaan sukan dapat mem-

bantu masyarakat terutama belia dalam mengamalkan cara hidup sihat dan memupuk minat serta keterujaan mereka menyertai pertandingan mahupun kejohanan yang mampu meningkatkan kemahiran, seterusnya membutuhkan ‘bintang’ dalam bidang sukan,” katanya.

Kejohanan yang berlangsung sempena sambutan 20 tahun penubuhan UMS itu juga menerima penyertaan daripada pemain-pemain boling handalan dunia seperti Mika Mika Kouvineimi,

Paeng Nepomuceno, Biboy Rivera serta Wang Yu-ling termasuk juga pemain tempatan.

Jurucakap penganjur turut mengumumkan bahawa kejohanan itu bakal dianjurkan dua tahun sekali memandangkan sambutan yang sangat menggalakkan dari peserta untuk edisi sulung itu.

Turut bersama menaja kejohanan itu ialah FADA Engineering serta Asli Jati Engineering dan disokong oleh Kementerian Belia dan Sukan.



SARIANSHAH (kanan) menerima cenderamata dari Pengerusi Penganjur Awang Suhaizam (kiri) ketika majlis ringkas penyerahan tajaan dari GWGFx BBH Group Sabah.



KUNJUNGAN HORMAT: Kunjungan hormat Persatuan Memanah Negeri Sabah yang diketuai oleh Presiden Persatuan Hj. Zainie Abdul Aucasa kepada Menteri Belia dan Sukan Sabah Datuk Tawfiq Datuk Abu Bakar Titingan di Pejabat Kementerian di Wisma Muis kelmarin bagi memaklumkan kepada Tawfiq tentang aktiviti persatuan dan persiapan sukan Sukma Sarawak 2016. Tawfiq dalam ucapan ringkasnya mengucapkan tahniah dan terimakasih kepada persatuan ini kerana berjaya menyumbangkan empat pingat emas di Sukma Perlis baru-baru ini. Kelihatan, Zainie (lima kiri) menyampaikan laporan aktiviti kepada Tawfiq (lima kanan).